

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]

TARIKH : 19 November 2015 (Rabu)

SOALAN :

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Pejabat Perdana Menteri telah membeli alat pengintipan dari sebuah syarikat keselamatan dari Italy pada Mac 2014. Apakah kegunaan peranti sedemikian untuk Pejabat Perdana Menteri.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman, tidak ada perolehan peralatan seperti yang dinyatakan dibuat oleh Pejabat Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [TASEK
GELUGOR]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)

SOALAN : 54

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah pihak Kementerian ada membuat penilaian semula berkaitan kualiti pelekat cukai jalan (*Roadtax*) bagi kenderaan yang mana sukar untuk ditanggalkan jika ditampal terus pada cermin kenderaan, malah jika ditampal bersama pelapik akan mudah tertanggal.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Disk Lesen Kenderaan Motor (LKM) atau Cukai Jalan sedia ada telah diperkenalkan pada tahun 2002. Disk berbentuk pelekat ini diperkenalkan bagi menggantikan disk LKM bentuk kertas yang diguna pakai sebelum ini. Ianya direka dengan ciri-ciri keselamatan bagi memastikan LKM tersebut tidak mudah dipalsukan, tidak disalahgunakan, tidak mudah diganggu usik atau ditanggal dan dialihkan dari satu kenderaan ke satu kenderaan yang lain. Di antara ciri-ciri keselamatannya adalah seperti berikut:

- a) tingkap *Kinegram*;
- b) tingkap *Intaglio*;
- c) label berpelekat bersama *slit* keselamatan (*security slits*); dan
- d) panel berbentuk 'L' untuk cetakan butiran LKM berlatarbelakangkan rekabentuk keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian mengambil maklum akan pandangan Yang Berhormat berhubung kualiti disk LKM tersebut melibatkan kesukaran untuk ditanggalkan daripada kaca kenderaan. Dalam hubungan ini, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan berbincang dengan pembekal disk LKM berkenaan untuk meneliti dan mengkaji isu ini serta mencadangkan penambahbaikan pada masa akan datang. Walau bagaimanapun, sekiranya disk LKM sesebuah kenderaan mengalami kerosakan atau cetakannya pudar

dalam tempoh LKM tersebut berkuatkuasa, proses gantian boleh dilakukan oleh pemilik kenderaan tersebut di mana-mana pejabat JPJ tanpa dikenakan sebarang caj.